

KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

CIDB DAKWA KONTRAKTOR PROJEK KL ECO CITY LINK BRIDGE

KUALA LUMPUR, 22 Mei: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia hari ini mendakwa kontraktor projek jejantas pejalan kaki (KL Eco City Link Bridge) yang telah menyebabkan kematian kepada seorang pekerja binaan selain kecederaan kepada lima pekerja pada 30 November tahun lepas.

Pendakwaan ke atas Tuck Sin Engineering & Construction Sdn Bhd di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur itu adalah mengikut peruntukan Seksyen 34B (1) (C) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Menurut Ketua Pegawai Pendakwa CIDB Malaysia, Tuan Hj. Abdul Razak Husin, tindakan undang-undang diambil kerana kontraktor berkenaan telah didapati gagal dalam memastikan keselamatan di tapak bina seperti mana yang termaktub dalam Akta 520 (Pindaan 2011).

“Sebab itu kita mendakwa mereka pada hari ini. Walau bagaimanapun, kontraktor berkenaan minta dibicarakan dan kes ini akan disebut semula pada 31 Mei 2017,” katanya.

Jika disabitkan kesalahan, Tuck Sin Engineering & Construction Sdn Bhd yang merupakan kontraktor utama projek tersebut boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Di dalam insiden itu, sebuah jejantas pejalan kaki yang sedang dibina untuk menghubungkan aras 1 blok perniagaan 4 tingkat ke paras Jalan Lingkaran Syed Putra berdekatan sebuah pasaraya di Midvalley runtuh dengan tiba-tiba hingga menyebabkan seorang daripada pekerja binaannya maut dan lima lagi cedera.

#####

Tentang CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<i>Rakis Santa</i>	rakis@cidb.gov.my	03-4047 6272 / 012-6200 360
<i>Noryani Ismail</i>	noryani@cidb.gov.my	03-4047 7027 / 019-285 6867